

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**TAWAKAL SEMASA MUSIBAH DALAM TRAVELOG *BINIKU NINJA*
KARYA AZLAN ANDI**

**[TAWAKKUL DURING CALAMITIES IN *BINIKU NINJA*
TRAVELOGUE BY AZLAN ANDI]**

NURHIDAYAH AMNI MOHD ZAINI^{1*}
FIRUZ-AKHTAR LUBIS¹

¹Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.

*Corresponding Author: firuz@ukm.edu.my

Received Date: 10 June 2022 • Accepted Date: 30 August 2022

Abstrak

Kajian ini membahaskan konsep tawakal semasa musibah berdasarkan Imam Ghazali dalam travelog *Biniku Ninja* karya Azlan Andi. Travelog ini mengisahkan kehidupan dan pengembaraan penuh dugaan pasangan muda Azlan Andi dan Sabatini Dzue ke luar negara. Sambutan dalam kalangan peminat amat hangat sehingga ia menjadi antara buku terlaris dalam syarikat penerbitan Sahabat At Taqwa dan diadaptasi menjadi drama khas di Astro Oasis pada 2017. Dalam pengembaraan, tanpa disedari tawakal sering saja berlaku kepada seseorang pengembara. Walaupun begitu, kajian terhadap konsep tawakal dalam karya pengembaraan tidak banyak dilakukan. Justeru itu, kajian ini akan menganalisis travelog *Biniku Ninja* dari aspek tawakal ketika menyara kehidupan, kehilangan barang, kecemasan dan memulakan kehidupan baru daripada kategori tawakal untuk mendapatkan sesuatu dalam urusan duniawi atau mencegah musibah berdasarkan Imam Ghazali. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dan temubual. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tawakal dan pasrah berkemungkinan wujud dalam pengembaraan. Namun begitu, tawakal lebih afdhal untuk diamalkan kerana impaknya yang positif kepada pengembara berbanding pasrah yang cenderung kepada impak negatif. Malah, pengamal tawakal dalam pengembaraan mampu mendekatkan diri kepada Allah kerana tawakal mempengaruhi kembara fizikal dan rohaninya. Diharapkan kajian ini akan menggalakkan penyelidikan lanjutan terhadap konsep tawakal dan juga karya-karya kembara yang lain.

Kata Kunci: Tawakal, Karya Kembara, *Biniku Ninja*

Abstract

This study discusses the tawakkul concept in calamities according to Imam Ghazali in Azlan Andi's travelogue *Biniku Ninja*. This travelogue tells the story of the life and adventures of a

young couple Azlan Andi and Sabatini Dzue abroad. The reception among fans was so warm that it became one of the best-selling books in the publishing company, Sahabat At Taqwa and was adapted into a special drama on Astro Oasis in 2017. In travel, tawakkul often happens to a traveller without realizing it. Even so, the study of tawakkul concept in travel narratives is not done much. Therefore, this study will analyse the travelogue *Biniku Ninja* from the aspects of tawakkul when making a living, losing things, experiencing emergency and starting a new life from the tawakkul category; to get something in worldly affairs or prevent misfortune according to Imam Ghazali. This study is qualitative by nature by applying the methods of content analysis and interviews. The result of this study shows that tawakkul and surrender are likely to exist in adventure. Nevertheless, tawakkul is better to be practiced because of its positive impact on travelers compared to surrender which tends to have a negative impact. In fact, tawakkul practitioners in travel are able to draw closer to Allah because tawakkul affects their physical and spiritual journey. It is hoped that this study will encourage further research into the tawakkul concept and also other travel narratives.

Keywords: Tawakkul, Literary work, Travelogue, *Biniku Ninja*.

Cite as: Nurhidayah Amni Mohd Zaini & Firuz-akhtar Lubis. 2022. Tawakal Semasa Musibah dalam Travelog *Biniku Ninja* Karya Azlan Andi [Tawakkul During Calamities in *Biniku Ninja* Travelogue by Azlan Andi]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(2): 153-169.

PENGENALAN

Tawakal merupakan suatu perbuatan yang sering berlaku pada seseorang lebih-lebih lagi bagi seorang muslim apabila mereka berada dalam situasi yang buntu, gelisah, tertekan dan sebagainya. Ia juga sering terjadi tanpa kesedaran individu itu sendiri. Oleh yang demikian, perkara yang sama juga pastinya berlaku kepada seseorang pengembara kerana mereka juga mempunyai kemungkinan untuk mengalami waktu-waktu yang sukar semasa dalam pengembaraan seperti menghadapi musibah. Hal ini juga dapat ditemukan dalam karya kembara Azlan Andi yang bertajuk *Biniku Ninja* ini.

Karya *Biniku Ninja* boleh diklasifikasikan sebagai sebuah travelog. Ia mengisahkan tentang penulis, Azlan Andi yang berasal daripada sebuah keluarga yang berkehidupan sederhana dan telah berjaya melanjutkan pelajarannya ke United Kingdom di peringkat sarjana muda. Semasa di sana, beliau bertemu dengan seorang wanita yang bernama Sabatini melalui organisasi pelajar Malaysia di benua Eropah dan akhirnya mengambil keputusan untuk bernikah dengannya. Secara kebetulan, kedua-dua watak ini merupakan insan yang gemar mengembara. Oleh itu, Azlan Andi menukilkan segala kisah dan pengalaman mereka sepanjang mengembara di pelbagai negara selepas pernikahan mereka, serta kehidupan mereka selepas berkahwin sebagai pelajar antarabangsa di luar negara.

Konsep tawakal bukanlah suatu konsep yang baru dalam dunia penyelidikan. Namun, penyelidikan yang mendalam dan meluas tentangnya masih kurang serta tidak mendapat perhatian keilmuan. Hal ini dapat dibuktikan oleh Miftachul Huda et al., (2019) dalam *Strengthening Divine Values for Self-Regulations in Religiosity: Insights from Tawakkul (Trust in God)* yang mengatakan bahawa:

“As an underlying component of religiosity expressed through the intentions and feelings among students, it is necessary to require deep elaboration with thorough examination of the relation of the Islamic views on tawakkul to theology, ethics, morality and spirituality. Although many studies were conducted in terms of self-regulation in religiosity, there has been a lack of scholarly attention to the concept of tawakkul as self-regulation in religiosity.”

Dzawil Qur'an (2018) dalam Konsep Tawakal dalam Film Kun Fayakun memperkukuhkan lagi pernyataan di atas dengan mengatakan bahawa konsep tawakal ini masih relevan untuk dikaji oleh masyarakat pada zaman sekarang walaupun ia boleh dikatakan sebagai sebuah tema dan konsep yang klasik.

Berdasarkan pernyataan-pernyataan di atas, konsep tawakal sememangnya sesuai untuk dijadikan sebagai suatu tema utama sesuatu kajian lebih-lebih lagi bagi karya sastera yang membawa tema pengembaraan. Di samping itu, tawakal juga adalah suatu sifat yang sangat sinonim dengan seseorang yang mengembara sama ada sedar ataupun tidak. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji unsur-unsur tawakal dalam travelog *Biniku Ninja* oleh Azlan Andi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan serta pencarian fakta atau ulasan daripada sumber rujukan primer serta sekunder. Instrumen temubual juga digunakan iaitu dengan menemu bual penulis travelog *Biniku Ninja* ini iaitu Azlan Andi. Proses temubual dijalankan melalui kaedah penulisan sahaja di mana pengkaji telah menghantar beberapa jumlah soalan berkaitan latar belakang penulis serta latar belakang travelognya. Kemudian, soalan-soalan ini telah dijawab oleh penulis iaitu Azlan Andi melalui kaedah penulisan juga.

AZLAN ANDI DAN TRAVELOGNYA BINIKU NINJA

Azlan Shah Andi atau lebih dikenali dengan nama Azlan Andi merupakan seorang penulis buku dari Malaysia. Beliau merupakan seorang graduan bagi jurusan animasi di *University West of England, United Kingdom*. Secara umumnya, Azlan Andi berasal dari bumi kenyalang iaitu Sarawak. Sebelum melanjutkan pelajarannya ke *United Kingdom*, beliau telah melakukan pelbagai perkara untuk mencari pengalaman hidup serta menambahkan kemahiran sama ada dalam bidang yang digemarinya iaitu animasi, atau kemahiran sosial seperti kemahiran perangkaan sosial yang sedikit sebanyak akan membantu dalam mencari pekerjaan kelak.

Beliau mula dikenali pada tahun 2015 apabila kisah pernikahannya bersama Sabatini Dzue mula tular di media sosial. Perkara ini berlaku disebabkan oleh umur pasangan ini yang masih lagi muda serta tempoh perkenalan mereka yang amat singkat iaitu selama 3 minggu sahaja tetapi telah menjurus kepada sebuah perkahwinan yang berjaya mendapat restu daripada ibu bapa dan keluarga. Ditambah lagi dengan latar belakang kedua-duanya yang masih bergelar pelajar di luar negara juga menjadi tarikan kepada masyarakat muda ketika itu untuk mengikuti kisah cinta mereka ini. Perlahan-lahan pasangan ini mula mempunyai pengikut dan peminatnya

yang tersendiri sehingga mereka mampu mengembangkan potensi diri melalui media sosial serta menjadikannya sebagai platform untuk mencari rezeki.

Travelognya itu terhasil atas permintaan kenalannya sendiri yang menginginkannya menulis serba sedikit mengenai kehidupan serta pengalamannya mengembara sama ada secara bersendirian atau bersama isterinya, Sabatini Dzue di pelbagai tempat menarik terutamanya di luar negara. Pengalaman mengembaranya itu amat diminati oleh para pembaca laman blognya, penonton video-videonya di *YouTube* dan pengikut media sosialnya kerana beliau dan isteri sering berkongsi pelbagai tip dan petua yang menarik seperti tip mendapatkan tiket penerbangan murah, tip mengembara secara *backpacking*, percutian bajet ke beberapa destinasi dan pelbagai lagi. Atas permintaan kenalannya itu, maka travelog *Biniku Ninja* berjaya dihasilkan pada 2016 walaupun asalnya ia adalah sekadar untuk simpanan peribadinya.

Namun, disebabkan oleh penulisannya yang menarik dan diminati oleh para pembaca, travelognya itu telah mendapat sambutan yang hangat dalam kalangan peminatnya. Sokongan dan sambutan yang hangat ini telah berjaya menjadikan *Biniku Ninja* sebagai antara buku terlaris atau *bestseller* dalam sebuah syarikat penerbitan bernama Sahabat At Taqwa pada tahun 2017. Di samping itu, hasil penangan tularnya *Biniku Ninja* di serata Malaysia serta di luar negara, syarikat penyiaran terkemuka Malaysia iaitu Astro telah berminat untuk mengadaptasi karya ini menjadi sebuah drama khas sempena bulan Ramadan di salah satu saluran penyiarannya iaitu Astro Oasis pada tahun 2017. Disebabkan oleh keunikan kisah benar yang dimuatkan oleh Azlan Andi dalam bukunya itu, seorang penerbit dan pengarah dari syarikat penyiaran itu mula berminat untuk mengadaptasi kisah tersebut dengan menggandingkan pelakon Ungku Hariz dan isterinya Jihan Muse sebagai watak utama dalam drama berjumlah 27 episod tersebut.

KONSEP TAWAKAL

Dari sudut bahasa dalam bahasa Arab, perkataan tawakal diambil daripada perkataan *wakala* yang bererti menyerahkan, mewakilkan dan wakil (Arifka, 2017). Manakala perkataan wakil pula membawa maksud sesuatu atau orang yang dijadikan pengganti untuk menguruskan serta menyelesaikan sesuatu urusan yang memerlukan terhadap wakil. Dalam erti kata lain, ia juga bermakna menyerahkan segala urusan kepada wakil yang dilantik itu (Mu'inudinillah, 2008). Maka, berdasarkan definisi-definisi tawakal secara bahasa ini dapat disimpulkan bahawa tawakal itu adalah menyerahkan, mewakilkan, menyerahkan kewibawaan atau amanah kepada seseorang yang dianggap sebagai wakil untuk diselesaikan atau diuruskan olehnya.

Di samping itu, dari sudut istilah pula terdapat lebih banyak pengertian tawakal yang boleh diperolehi. Antaranya, menurut Mu'inudinillah (2008) tawakal ialah menjadikan Allah S.W.T sebagai wakil atau pengganti dalam menguruskan sesuatu urusan dan menyelesaikannya setelah berusaha semampu dan seadanya. Tawakal itu sememangnya sering ditafsirkan sebagai perbuatan menyerah diri kepada Allah S.W.T. Namun, ia adalah amat berbeza dengan perbuatan berserah atau pasrah. Hal ini kerana, tawakal itu haruslah disusuli dengan berusaha semampunya terlebih dahulu.

Perkara ini juga seiring dengan pengertian tawakal oleh Abdullah Zakiy (2001) dalam bukunya *Membentuk Akhlak: Mempersiapkan Generasi Islam* yang memberi makna tawakal sebagai menyerahkan sesuatu urusan kepada Allah S.W.T dengan berusaha terlebih dahulu


kemudian menyerahkannya kepada Allah S.W.T dengan sepenuh hati dan sepenuh pengharapan. Beberapa ahli sarjana juga berpandangan bahawa tidak sah sesuatu tawakal itu sekiranya ia tidak disertai dengan sebab-sebab untuk melakukannya atau usaha terlebih dahulu (Ibn Qayyim, 2014).

Selain itu, ahli sarjana yang ulung seperti Hamka juga tidak lari dalam memberikan pandangannya mengenai pengertian tawakal. Menurutnya, tawakal ialah penyerahan keputusan segala perkara, ikhtiar dan usaha kepada Allah S.W.T (Hamka, 1990). M. Quraish Shihab (2007) juga berpendapat bahawa tawakal ini bukanlah semata-mata penyerahan secara mutlak kepada Allah S.W.T, tetapi ia harus didahului dengan usaha manusiawi.

Berdasarkan pelbagai definisi yang telah dinyatakan di atas, rata-rata ahli sarjana berpendapat bahawa tawakal itu haruslah didahului dengan usaha yang semampunya. Hal ini kerana, seorang muslim sememangnya dituntut untuk berusaha. Namun, pada masa yang sama, dia juga dituntut untuk menyerah diri kepada Allah S.W.T dan melaksanakan kewajibannya sebagai seorang muslim, seterusnya menanti apakah hasil yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T kepadanya atas perkara yang dinantikan itu. Indahnyanya apabila bertawakal ini, apabila seseorang itu telah berusaha dan bertawakal disertakan dengan pengharapan yang suci untuk meraih sesuatu, dan sekiranya dia memperoleh apa yang diinginkan, dia akan bersyukur dan lebih mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Namun, apabila dia gagal meraih apa yang diinginkan itu, dia tidak berputus asa dan terus melupakan segala nikmat Allah S.W.T yang telah diperoleh sebelum itu. Malah dia akan bersifat reda dalam menerimanya dan turut mendekatkan diri kepada Allah S.W.T kerana dia yakin bahawa hanya Allah S.W.T sahajalah tempat berharap yang sebenar-benarnya.

JENIS-JENIS TAWAKAL

Tawakal dibahagikan kepada dua bahagian yang utama iaitu tawakal kepada Allah S.W.T serta tawakal kepada selain Allah S.W.T (Abdullah Umar 2000). Setiap kedua-dua bahagian ini mempunyai pembahagiannya yang lebih terperinci. Fokus kajian ini adalah pada bahagian tawakal kepada Allah. Menurut Imam al-Ghazali (1995) dalam *Muhtashar Ihya Ulum al-Din*, tawakal terbahagi kepada 4 jenis iaitu:



Rajah 1: Jenis-jenis Tawakal
 Sumber: Imam al-Ghazali (1995)

Jenis-jenis tawakal terbahagi kepada empat iaitu tawakal untuk mendapatkan sesuatu dalam urusan duniawi atau mencegah musibah, tawakal dalam keadaan diri istiqamah tanpa mempunyai usaha untuk memberi pengaruh kepada oranglain dan fokus hanya untuk memperbaiki diri sendiri, tawakal dalam berbuat perkara haram serta tawakal dalam istiqamah dan mencegah kemungkaran (Imam al-Ghazali, 1995).

ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

Melalui proses pembacaan secara mendalam dan teliti pada travelog *Biniku Ninja*, pengkaji telah mendapati bahawa analisis kajian lebih sesuai dijalankan pada jenis tawakal untuk mendapatkan sesuatu dalam urusan duniawi atau mencegah musibah. Rajah berikut merupakan antara aspek-aspek tawakal dalam travelog *Biniku Ninja* yang bersesuaian dengan jenis tawakal tersebut:



Rajah 2: Aspek-aspek Tawakal dalam Travelog *Biniku Ninja*
 Sumber: Pengkaji (2022)

Menurut rajah di atas, dalam travelog *Biniku Ninja*, unsur tawakal menyerlah dalam 4 aspek berikut iaitu aspek menyara kehidupan, kehilangan barang, kecemasan dan memulakan kehidupan baru.

Tawakal Ketika Menyara Kehidupan

Berdasarkan analisis tentang isu-isu tawakal yang ditunjukkan di dalam travelog *Biniku Ninja* ini, terdapat tawakal dalam aspek menyara kehidupan bagi kategori tawakal untuk mendapatkan sesuatu dalam urusan duniawi atau mencegah musibah. Antara ayat yang menunjukkan situasi berkenaan di dalam novel ini ialah seperti berikut:

“Di siang hari Saba ke kelas berjalan kaki, aku pula mencuba nasib mencari rumah dan minta kerja. Tiada yang berani mengambil aku bekerja ketika itu kerana aku hanya ada visa pelancong. Sekiranya kanto dengan pihak berkuasa, aku akan diusir keluar dari UK dan lesen perniagaan premis itu pula akan digantung.” (Azlan Andi, 2016)

Ayat ini menunjukkan situasi di mana pasangan suami isteri ini iaitu Azlan Andi dan Sabatini Dzue melakukan segala usaha yang ada dan yang mampu dilakukan untuk menyara kehidupan di United Kingdom sebagai pelajar bagi Sabatini dan pelancong bagi Azlan Andi. Ia menunjukkan sikap mereka yang bertawakal dan menyerahkan segala ketentuan kepada Allah S.W.T dan pada masa yang sama berikhtiar serta berusaha untuk mendapatkan apa yang mereka perlukan pada waktu itu iaitu rezeki berbentuk wang untuk mereka meneruskan kehidupan di tempat orang.

Antara usaha yang dilakukan ialah Sabatini berjalan kaki untuk pergi ke kampus setiap hari untuk menghadiri kelasnya kerana ingin mengurangkan perbelanjaan pada pengangkutan awam walaupun pada masa itu beliau sedang hamil. Usaha seperti ini amat sukar untuk dilakukan oleh seseorang, lebih-lebih lagi apabila sedang hamil kerana kesihatan diri amat perlu dijaga ketika ini. Namun, Sabatini tetap berkeras dengan caranya itu kerana ingin memastikan usahanya bersama suami untuk mengurangkan perbelanjaan harian mereka berjaya.

Di samping itu, Azlan Andi juga berusaha dengan cara mencari pekerjaan di United Kingdom walaupun beliau sendiri tahu bahawa kemungkinan untuk beliau gagal mendapatkan pekerjaan itu lebih tinggi. Hal ini kerana, Azlan cuma mempunyai visa pelancong sepanjang berada di sana. Oleh itu, ramai majikan tidak berani untuk menerimanya bekerja kerana akan digantung lesen perniagaan premisnya sekiranya diketahui oleh pihak berkuasa serta Azlan juga bakal diusir keluar dari United Kingdom. Perkara sebegini bakal menyulitkan lagi keadaan mereka jika ia benar- benar terjadi.

Situasi sebegini ternyata amat sinonim dengan perkara sebenar yang biasa berlaku bagi para pelajar Malaysia yang menyambung pelajaran mereka di luar negara. Hal ini dibuktikan oleh Nurul Nabilah Yusof et al., (2017) dalam artikel *Challenges Experienced by Malaysian Students Abroad* yang menyatakan bahawa pelajar Malaysia yang belajar di luar negara sering mengalami masalah kewangan yang serius. Hal ini menyebabkan mereka perlu meminjam wang daripada ahli keluarga dan sahabat-handai, atau menyara kehidupan mereka sendiri dengan bekerja secara separuh masa semasa belajar untuk mendapatkan wang lebih.

Begitu juga keadaan Sabatini Dzue di awal pembelajarannya di Plymouth, England. Semenjak tahun pertama pengajiannya lagi, beliau telah mula bekerja secara separuh masa di sebuah kedai gula-gula di sana. Melalui pendapatannya itulah, Sabatini menyara kehidupannya sepanjang bergelar seorang pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda di Plymouth. Beliau juga mampu untuk menyewa sebuah studio apartment sebagai tempat tinggalnya serta pergi mengembara apabila cuti semester bermula (Azlan Andi 2016: 23). Perkara ini memerlukan kemahiran pengurusan kewangan yang baik supaya pelajar sepertinya mampu memiliki kehidupan yang selesa semasa belajar di luar negara, serta mengekalkan kesihatan mentalnya dengan baik. Hal ini kerana, pengurusan kewangan yang buruk akan mengeruhkan lagi keadaan pelajar seperti mengalami tekanan.

Oleh sebab kesukaran untuk mendapatkan wang lebih bagi menyara kehidupan pelajar di luar negara, para pelajar sering mengalami tekanan kerana berasa risau dengan keadaan ekonomi masing-masing. Terdapat juga segolongan pelajar yang telah mendapat pekerjaan separuh masa, tetapi masih mengalami tekanan kerana sukar untuk fokus pada pelajaran kerana kepenatan bekerja sambil belajar. Perkara ini juga mampu memberikan kesan yang buruk kepada pelajaran mereka dan ia bertepatan dengan kajian Norlaila Abu Bakar et al. (2019) dalam artikel *Masalah Kewangan dan Tekanan dalam Kalangan Mahasiswa*. Menurutnya, kebanyakan pelajar berasa tertekan dan murung apabila menghadapi masalah kewangan sekali gus ia menyumbang kepada kemerosotan pencapaian akademik pelajar tersebut. Di samping itu, perkara ini boleh menimbulkan rasa rendah diri pada seseorang pelajar serta menjejaskan personaliti mereka.

Justeru, jelaslah di sini bahawa para pelajar Malaysia yang belajar di luar negara perlu melakukan pelbagai usaha untuk menyara kehidupan mereka memandangkan perbelanjaan di sana lebih tinggi disebabkan oleh nilai mata wang yang berbeza dengan Malaysia. Namun, usaha yang bersungguh-sungguh sebegini boleh memberikan pelbagai kesan yang positif dan negatif kepada seseorang pelajar jika ia tidak dapat diuruskan dengan baik. Walau bagaimanapun, usaha Sabatini dan Azlan Andi yang bersungguh-sungguh mencari cara yang boleh mereka lakukan untuk menyara kehidupan mereka ini wajar untuk dicontohi. Ini kerana, sudah menjadi kewajipan bagi umat Islam untuk bersungguh-sungguh dalam melakukan setiap perkara. Perkara ini telah disebutkan dalam sebuah kajian berjudul *Tuntutan Bekerja dan Kehidupan Beragama Berdasarkan Perspektif Islam* oleh Solahuddin dan Che Zarrina (2014). Usaha murni yang ditunjukkan oleh pasangan suami isteri ini adalah termasuk dalam sikap bersungguh-sungguh yang telah dituntut oleh Allah S.W.T kepada hamba-Nya. Ini kerana, tanpa kesungguhan dan azam yang kuat, kemungkinan Sabatini dan Azlan akan berasa malas dan berputus asa untuk melakukan sesuatu dalam kehidupan mereka, lebih-lebih lagi bagi menyara kehidupan mereka di sana.

Oleh itu, bertawakal dengan perbuatan berusaha bersungguh-sungguh untuk menyara kehidupan seperti yang dilakukan oleh Sabatini dan Azlan ini perlu dipraktikkan oleh setiap insan. Ini kerana, ia menunjukkan suatu amalan yang mulia sebagai seorang muslim, malah ia juga mampu mengubah kehidupan seseorang ke arah yang lebih baik. Namun, dalam melayari kehidupan berumahtangga bersama-sama, kecuaian juga merupakan antara perkara biasa yang sering berlaku antara suami dan isteri seperti kehilangan barang. Dalam tidak disedari, kehilangan barang juga mempunyai perkaitan yang kukuh dengan pengamalan sikap tawakal.

Tawakal Ketika Kehilangan Barang

Kehilangan bukanlah sesuatu perkara yang mudah untuk diterima lebih-lebih lagi apabila kehilangan seseorang yang disayangi. Bahkan untuk menerima kehilangan sesuatu barangan yang sinonim dengan diri kita juga memerlukan masa yang panjang untuk diterima. Apabila berbicara mengenai kehilangan sesuatu barang, manusia sering kali berusaha bermati-matian untuk cuba mencari barang tersebut, serta berharap bahawa ia akan kembali dipertemukan. Namun, perasaan berserah dan reda juga pasti sudah tertanam di dalam hati apabila barang yang dicari tidak ditemui. Tanpa disedari sikap tawakal telah diamalkandalam konsep kehilangan barangan ini. Hal ini kerana, usaha yang dilakukan oleh seseorang sebelum dia berjaya menjumpai barang tersebut atau terus berserah atas kehilangannya selari dengan konsep tawakal Imam al-Ghazali di mana tawakal ialah menyerahkan segala perkara kepada Allah S.W.T setelah berusaha dan berikhtiar. Perkara ini jelas dalam travelog *Biniku Ninja* pada petikan berikut:

“Aku pun membeli tiket bas untuk kembali ke Victoria, perjalanan dari Gatwick-Victoria-Gatwick-Victoria saja sudah melebihi kos penerbangan dan penginapan aku di Poland. Sementara menunggu bas, hatiku terdetik untuk menjenguk ke dalam tong sampah. Maha kuasa Allah S.W.T, benar dompet aku ada di dalam tong sampah. Aku lihat isinya masih ada di dalam, cuma beberapa keping wang Euro telah dikebas. Aku kembali ke Victoria dan menunjukkan Saba dompetku, dia menarik lafaz lega walaupun geram duitku sudah dikebas orang.” (Azlan Andi, 2016)

Melalui petikan tersebut, watak utama bagi travelog *Biniku Ninja* ini iaitu Azlan Andi pernah mengalami situasi kehilangan barangnya sewaktu mengembara. Kejadian ini telah berlaku beberapa kali di pelbagai tempat, serta pelbagai barangannya telah hilang sepanjang pengembaraannya itu. Bagi konteks petikan di atas, dompet Azlan telah hilang semasa beliau dan isterinya baru sahaja selesai berbulan madu di Madeira Island dan sedang menunggu untuk Sabatini pulang ke Plymouth, manakala Azlan akan meneruskan pengembaraan solonya ke Poland. Apabila beliau menyedari bahawa dompetnya telah hilang, beliau berusaha bersungguh-sungguh untuk mencarinya di merata tempat, termasuk di setiap tempat yang telah dilaluinya sebelum itu. Sepanjang mencari dompetnya itu, tanpa disedari Azlan telah meletakkan tawakalnya kepada Allah S.W.T kerana usaha telah dilakukan dan beliau menyerahkannya kepada Allah S.W.T sahaja bagi menentukan adakah dia dapat menjumpai semula dompetnya atau tidak.

Sebelum Azlan menemui dompetnya di dalam tong sampah di Gatwick, beliau pernah terdetik untuk berputus asa. Ini kerana, beliau sudah penat mencari dompetnya di merata tempat namun masih tiada tanda-tanda bahawa dompetnya bakal ditemui. Dalam artikel *Terapi Eksistensial Humanistik Dalam Mengatasi Siswa Putus Asa* oleh Riza Amalia (2012), putus asa dimaksudkan sebagai tindakan yang meninggalkan rahmat Allah S.W.T dan membuatkan diri semakin jauh dari Allah S.W.T kerana termasuk dalam golongan orang yang tidak yakin akan pertolongan Allah S.W.T. Rangkaian petikan di bawah merupakan sedutan tentang situasi tersebut:

“Aku pun berlari mengejar bas seterusnya berpatah balik ke Gatwick dari Victoria. Di sana puas aku mencari, bertanya pada semua orang yang aku temui. Waktu ketika itu sekitar 2 pagi. Aku terduduk, ketika itu aku nekad ingin batalkan saja *planning travel solo* ini. Aku *call* Saba dan memberitahu aku ingin ikut dia pulang ke Plymouth. Dia menasihati aku agar jangan berputus asa, passport masih di tangan, soal duit jangan risau kita dah jimat banyak semasa di Madeira dan kos majlis kahwin. Sayang kalau dibiarkan saja tiket kapal terbang dan penerbangan yang sudah ditempah.” (Azlan Andi, 2016)

Jelas di sini, Azlan telah nekad untuk berputus asa dalam mencari dompetnya itu. Namun, mujur isterinya memberikan nasihat dan semangat untuknya agar tidak berputus asa. Hal ini kerana, menurut Husniah Ramadhani Pulungan (2017) dalam artikel *Memaknai Putus Asa dalam Paradigma Henti*, sikap berputus asa ini adalah dilarang dalam Islam kerana Allah S.W.T telah menjanjikan kemudahan bagi hamba-hambanya yang sentiasa bersabar dan tidak berputus asa semasa menghadapi dugaan dan ujian dalam kehidupan. Pendapat ini dikuatkan lagi dengan potongan ayat al-Quran berikut:

﴿قُلْ يَا عِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ
جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ﴾ ٥٣ ﴿

Maksudnya: Katakanlah: "Wahai hamba-hamba Ku yang malampaui batas terhadap diri merekasendiri, janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah S.W.T. Sesungguhnya Allah S.W.T mengampuni dosa-dosa semuanya. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang." [Al-Qur'an, Surah Al-Zumar, 39: 53]

Berdasarkan ayat al-Quran di atas, Allah S.W.T telah menegur manusia yang melampaui batas kemampuannya serta melarang daripada berputus asa. Di akhir ayat itu juga jelas bahawa Allah S.W.T berjanji akan mengampunkan dosa hamba-Nya sekiranya mereka ingin mentaati teguran-Nya serta meninggalkan larangan-Nya. Larangan untuk tidak berputus asa ini dikuatkan lagi dengan pendapat Quraish Shihab (2006) yang menyatakan putus asa ini diumpamakan sebagai suatu kekufuran yang besar. Oleh itu, amat penting bagi semua umat Islam untuk mengelakkan diri daripada berputus asa dan terus yakin dengan janji Allah S.W.T yang sentiasa akan membantu hamba-Nya yang bersabar.

Justeru, perlakuan Azlan Andi yang ingin berputus asa itu haruslah dijauhi dan tidak dijadikan contoh. Tetapi, sikapnya yang terus bertawakal dalam mencari dompetnya yang hilang itu perlu dicontohi dan dijadikan iktibar. Kerana benarlah janji Allah S.W.T bahawa orang yang bersabar pasti akan dibantu dan dimudahkan urusannya. Dalam pada itu, isu kehilangan barangan ini juga sebenarnya telah menimbulkan perasaan cemas dalam diri seseorang yang menghadapinya. Sedikit sebanyak ia juga melatih sikap tawakal individu dalam menghadapi saat-saat kecemasan sebegini.

Tawakal Ketika Kecemasan

Kecemasan merupakan suatu situasi yang tidak disukai oleh kebanyakan manusia. Hal ini demikian kerana, perasaan yang akan hadir bersama situasi tersebut selalunya amat menggusarkan perasaan dan jiwa seseorang yang menghadapinya. Seseorang yang sedang cemas selalunya mengalami perasaan resah, gelisah, gugup, takut dan mungkin juga sehingga tertekan (Abdul Hayat, 2014). Begitu juga yang dihadapi oleh Azlan Andi semasa beliau dan isterinya berada di London seperti yang berikut:

“Ejen menunjukkan kami bilik di sebuah apartment yang keadaannya sangatlah teruk. Mujurlah bekas *tenant* untuk bilik kami adalah seorang arkitek yang pembersih. Bersetuju dengan keadaan bilik, ejen kemudian meminta kami membayar sewa tiga minggu dengan alasan seminggu lagi sebagai deposit jadi *total* kami perlu bayar adalah hampir £400. Melihat keadaan Saba, aku faham kesengsaraannya jadi aku mengambil risiko gunakan duit kecemasan kami.”
(Azlan Andi, 2016)

Melalui petikan berikut, Azlan Andi pernah mengalami situasi kecemasan semasa beliau berada di luar negara bersama isterinya Sabatini yang sedang mengandung serta melanjutkan pelajarannya di sana. Perkara ini berlaku apabila mereka tidak mempunyai rumah atau tempat untuk berteduh kerana kehadiran mereka berdua sekali lagi ke United Kingdom adalah tanpa perancangan yang rapi. Di samping itu, mereka juga mengalami masalah kewangan kerana biasiswa yang sepatutnya diterima oleh Sabatini telah dibatalkan. Pada masa yang sama, Azlan Andi juga tidak mempunyai pekerjaan tetap memandangkan beliau hanyalah pelancong di negara itu. Jadi, merupakan suatu kesukaran untuknya mendapatkan pekerjaan. Disebabkan masalah-masalah ini, mereka berdua masih belum mampu untuk menyewa di rumah dengan harga sewa yang biasa di sana. Maka, pilihan-pilihan rumah yang ada juga kurang memuaskan namun agak sesuai dengan bajet mereka.

Oleh itu, situasi ini boleh dikategorikan sebagai suatu kecemasan kerana Azlan Andi harus membuat keputusan dengan pantas tanpa berfikir panjang. Hal ini kerana, beliau sering mengenangkan keadaan Sabatini yang sedang mengandung serta mudah keletihan hingga menyebabkan mereka sukar untuk berjalan jauh. Oleh itu, Azlan terpaksa menerima tawaran menyewa di sebuah pangsapuri yang kelihatan sangat tidak memuaskan dan tidak teratur, juga sebenarnya bakal dirobuhkan dalam masa dua minggu dari hari mereka mula menyewa itu.

Daripada situasi berkenaan, sikap yang ditunjukkan oleh penulis iaitu Azlan Andi ini sebenarnya menunjukkan beliau sedang bertawakal dengan keputusan yang telah dilakukan iaitu untuk menyewa di pangsapuri tersebut. Perkara ini selari dengan salah satu daripada tahap-tahap tawakal yang telah digariskan oleh Muhammad (2004) dalam *Manajemen Hati*. Pada tahap keempat, seseorang itu berjaya menyerahkan hati dan kebergantungannya yang disertai dengan ketenteraman hanya kepada Allah S.W.T. Malah, apabila seseorang telah mencapai ke tahap ini menandakan bahawa dia sudah tidak peduli pada hal hal keduniaan kerana sikap tawakalnya kepada Allah S.W.T telah menjadi benteng dirinya daripada merasai ketakutan serta berharap pada kehidupan duniawi lagi.

Di samping itu, perkara ini juga menunjukkan bahawa Azlan Andi mempunyai tahap kesihatan mental yang masih kuat walaupun pada masa yang sukar dan cemas sebegini. Hal ini bertepatan dengan kajian daripada Roslee Ahmad, Mohamed Sharif Mustaffa dan Jamaludin Ramli (2005) dalam artikel *Kesihatan Mental Rakyat Malaysia Masa Kini: Suatu Pendekatan Kaunseling Berdasarkan Nilai-nilai Islam*, peratusan penyakit dan masalah mental pada golongan lelaki adalah 1.5 kali lebih rendah berbanding golongan wanita. Oleh itu, tidak hairanlah apabila Azlan masih mampu mengekalkan sikap tawakalnya pada keadaan sebegini walaupun pelbagai kemungkinan buruk akan timbul seperti munculnya masalah lain di kemudian hari adalah tinggi.

Tindakan sebegini juga sering dilakukan oleh Azlan pada waktu-waktu kecemasan tanpa berfikir panjang mengenai kesan-kesan yang bakal dirasai pada masa akan datang. Seperti pada bab kelima belas dalam travelog Biniku Ninja ini, terdapat situasi yang seakan sama dengan situasi kecemasan tersebut, iaitu:

“Sebaik aku berjaya menguruskan dokumen-dokumen yang diperlukan di Malaysia, aku terus menggunakan sisa simpanan yang ada untuk terbang ke London. Sekurang- kurangnya aku perlu berada di sisinya untuk memberi sokongan moral kerana Saba betul-betul tidak mengendahkan fasal kesihatan dirinya. Makan minumannya tidak terjaga. Tindakanku ke London serta-merta semestinya menjejaskan plan asal kami tapi ketika itu kami hanya berfikir apa nak jadi, jadilah. Biarlah susah senang bersama.” (Azlan Andi, 2016)

Petikan di atas mengisahkan tentang situasi kecemasan yang dihadapi oleh Azlan Andi semasa beliau berada di Malaysia, manakala Sabatini berada di London seorang diri untuk memulakan sesi pembelajarannya di sana. Pada masa itu, Sabatini sudah disahkan hamil, namun akibat bajet kewangan mereka yang sangat terhad, beliau terpaksa mengehadkan perbelanjaan seharian walaupun untuk makanannya. Beliau juga terpaksa berpindah-randah menyewa bilik kerana kadar sewaan di sana sangat tinggi.

Oleh itu, Azlan mengambil keputusan untuk pergi ke London untuk memberikan sokongan moral kepada isterinya walaupun pada masa itu wang simpanan mereka semakin menyusut. Tindakannya ini jelas menunjukkan bahawa beliau sekali lagi bertawakal dengan ketentuan Allah S.W.T pada masa yang sukar dan mencemaskan.

Perkara ini membuktikan bahawa sikap Azlan yang sememangnya mudah dan senang untuk bertawakal kepada Allah S.W.T dalam pelbagai keadaan termasuklah pada keadaan yang sukar baginya. Namun, keyakinannya pada Allah S.W.T mengatasi segala perasaan gusar, gelisah dan tertekannya itu kerana beliau yakin bahawa setiap orang yang bersabar pasti akan mendapat ganjaran yang setimpal. Justeru, kesukaran bukanlah suatu penghalang untuk seseorang itu hilang keyakinan terhadap kuasa Allah S.W.T, malah apabila seseorang mengamalkan sikap bertawakal seperti yang dilakukan oleh Azlan Andi ini pada waktu- waktu yang sukar dan cemas, pasti akan dibantu dan diganjarkan dengan sesuatu yang lebih baik oleh Allah S.W.T.

Tawakal Ketika Memulakan Kehidupan Baru

Dalam travelog *Biniku Ninja*, terdapat suatu situasi di mana Azlan Andi dan Sabatini Dzue telah memulakan kehidupan yang baharu selepas pulang dari London kerana kandungan Sabatini yang semakin sarat. Mereka membuat keputusan untuk terus menetap di Malaysia dan memulakan kehidupan baharu sehingga anak-anak mereka semakin meningkat umur dan mencapai tahap umur yang sesuai untuk mereka berhijrah semula. Situasi berkenaan boleh dijumpai pada petikan seperti berikut:

“Maha kuasa Allah S.W.T, sepanjang keberadaan kami di Malaysia dalam keadaan yang buntu bagaimana nak memulakan hidup baru, Allah S.W.T turunkan rezeki bertalu-talu. Pada hari kedua aku jejakkan kaki di Malaysia, sebuah stesen TV tempatan memerlukan kepakaranku untuk beberapa program TV. Sebaik sahaja selesai kesemua projekku di sana aku kemudian menerima beberapa tawaran projek kreatif penghasilan video dan grafik secara *freelance*.”
(Azlan Andi, 2016)

Mengenai petikan berikut, Azlan Andi dan Sabatini telah membuat keputusan untuk pulang ke Malaysia semasa kandungan Saba semakin sarat. Hal ini kerana, Sabatini ingin melahirkan anaknya dan berpantang di Malaysia bersama keluarga mereka. Namun, keputusannya itu bukanlah sesuatu yang dirancang dengan lebih mendalam. Malah, mereka juga tiada pekerjaan apabila pulang ke Malaysia. Namun, disebabkan keyakinan dan sikap tawakal yang tinggi, pelbagai ganjaran Allah S.W.T anugerahkan buat mereka lebih-lebih lagi Azlan kerana beliau berjaya mendapat pekerjaan daripada syarikat-syarikat yang besar dan terkemuka.

Dalam artikel berjudul *Kecerdasan Emosi dan Hubungannya dengan Nilai Kerja* oleh Noriah Mohd. Ishak et al., (2003), nilai penyayang seperti mengambil berat dan menghargai ini amat disarankan dalam nilai utama etika kerja. Begitu juga dalam perhubungan suami isteri seperti yang dilakukan oleh Azlan yang mengambil berat tentang keadaan isterinya yang sedang sarat mengandung serta menghargai jasa isterinya sehingga sanggup membawa Sabatini pulang ke Malaysia untuk menempuhi hari kelahiran anak mereka serta berpantang dengan selesa di kampung halaman. Meskipun pada ketika itu, kehidupan mereka di Malaysia masih dalam keadaan samar-samar lagi kerana mereka tidak mempunyai pekerjaan itu, namun kerana kasih sayangnya kepada isteri meyakinkan dirinya untuk membuat keputusan seperti itu.

Di samping itu, sikap yang ditunjukkan oleh Azlan Andi ini membuktikan bahawa beliau mempunyai tahap keyakinan yang tinggi. Menurut Laela Vina Hari et al., (2018) dalam artikel *Pengaruh Self Efficacy Terhadap Kemampuan Berpikir Kritis Matematik Siswa SMP*, keyakinan juga boleh ditakrifkan sebagai *self efficacy* yang membawa maksud keyakinan seseorang individu bahawa dirinya mampu untuk melakukan sesuatu perkara dalam situasi tertentu dengan berjaya. Begitu jugalah yang dihadapi dan dirasai oleh Azlan Andi semasa beliau ingin membuat keputusan untuk pulang ke tanah air tercinta di mana beliau merasa yakin bahawa keputusan yang diambil ini pasti akan mendatangkan kejayaan di kemudian hari.


Tambahan pula, jelas ditunjukkan dalam novel tersebut bahawa Azlan Andi juga tetap bersabar dengan segala dugaan yang menimpa dirinya serta Sabatini semenjak awal-awal

mereka kembali ke London sehingga ketika mereka sudah pulang ke Malaysia. Ahmad Faried (1993) mengatakan bahawa sabar ialah keupayaan individu untuk menahan jiwa dari merasi kedukaan dan kegelisahan, serta menahan lidah daripada mengadu kesakitan, dan anggota tubuh badan daripada menyakiti diri sendiri. Ia juga ditakrifkan sebagai suatu kekuatan dan daya positif yang mampu memotivasi jiwa, hati dan akal manusia.

Dalam konteks situasi memulakan kehidupan baru dalam travelog *Biniku Ninja* ini, Azlan Andi telah berjaya mengamalkan beberapa sikap yang mulia seperti penyayang, yakin diri serta bersabar dalam setiap dugaan yang dihadapinya lebih-lebih lagi ketika beliau mengambil keputusan untuk pulang ke Malaysia itu. Tanpa disedari, daripada sikap-sikap ini, Azlan Andi sebenarnya telah mengamalkan sikap bertawakal juga. Hal ini kerana, tanpa kesabaran, keyakinan serta kasih sayang, sikap tawakal itu tidak dapat dipupuk dalam diri seseorang.

DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, semasa pengembaraan dilakukan, sikap tawakal ini lebih mudah untuk dikenal pasti dan dibezakan dengan sikap yang hampir sama dengannya iaitu pasrah. Sekilas pandang kedua-duanya kelihatan sama sahaja. Namun, peribadi dan tindakan yang diambil oleh pengembara itulah yang menentukan sama ada dia sedang bertawakal atau pasrah. Perbezaan antara tawakal dan pasrah dalam sesuatu situasi dapat digambarkan seperti dalam rajah berikut:



Rajah 3: Perbezaan Tawakal dan Pasrah
 Sumber: Pengkaji (2022)

Berdasarkan rajah di atas, apabila seseorang pengembara itu bertawakal, dia pasti akan berusaha terlebih dahulu sambil meletakkan sepenuh pengharapan kepada Allah S.W.T di samping menerima segala ketentuannya dengan reda dan tenang. Akan tetapi, sekiranya pengembara itu pasrah, tiada usaha lain akan dilakukan olehnya untuk memperbaiki keadaannya itu. Pengembara itu juga mungkin akan mengalami situasi putus harapan yang sangat tinggi dan lebih parah lagi ia mampu terjerumus kepada tekanan serta tindakan yang lebih berisiko dan bahaya lagi seperti cubaan mencederakan diri sendiri atau membunuh diri.

Tuntasnya, tawakal dan pasrah ini sama-sama wujud dalam suatu pengembaraan. Namun, sebagai seorang Islam, berpegang dengan tawakal itu lebih baik kerana ia memberi kesan yang lebih mendalam kepada jiwa seseorang pengembara itu sendiri. Bersikap pasrah membawa berbagai konsekuensi negatif dalam jiwa seseorang. Manakala, pengamalan tawakal membuatkan seseorang menjadi lebih terbuka untuk menerima apa jua keadaan yang berlaku semasa pengembaraannya sama ada baik atau buruk. Maka, pengembaraan itu akan menjadi lebih bermakna kerana di samping dapat mengamalkan suatu sikap yang digalakkan dalam agama Islam, seseorang juga mampu mendekatkan dirinya kepada Allah S.W.T kerana ia bukan sahaja menjadi suatu pengembaraan fizikal, malah ia juga boleh menjadi suatu pengembaraan rohani.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa sikap tawakal ini boleh muncul dalam pelbagai aspek dan situasi seperti situasi musibah. Namun, apabila diperhatikan, sikap tawakal ini sebenarnya lebih kerap dan tinggi dirasai oleh individu semasa dalam pengembaraan. Hal ini kerana, semasa pengembaraan pelbagai perkara yang tidak disangka-sangka boleh berlaku. Perkara ini sedikit sebanyak mencabar kelaziman pengembara itu sendiri walaupun dunia pengembaraan sudah sehati dalam dirinya kerana setiap sesi pengembaraan itu mempunyai pengalaman dan keistimewaan yang berbeza. Justeru, pengamalan sikap tawakal seseorang pengembara semasa pengembaraan akan lebih kerap berlaku berbanding pada hari-hari yang biasa.

Sikap tawakal ini lebih mudah untuk dikenal pasti dan dibezakan dengan sikap yang hampir sama dengannya iaitu pasrah. Sekilas pandang kedua-duanya kelihatan sama sahaja. Namun, peribadi dan tindakan yang diambil oleh pengembara itulah yang menentukan sama ada dia sedang bertawakal atau pasrah. Apabila seseorang pengembara itu bertawakal, dia pasti akan berusaha terlebih dahulu sambil meletakkan sepenuh pengharapan kepada Allah S.W.T di samping menerima segala ketentuannya dengan reda dan tenang. Akan tetapi, sekiranya pengembara itu pasrah, tiada usaha lain akan dilakukan olehnya untuk memperbaiki keadaannya itu. Pengembara itu juga mungkin akan mengalami situasi putus harapan yang sangat tinggi dan lebih parah lagi ia mampu terjerumus kepada tekanan serta tindakan yang lebih berisiko dan bahaya lagi seperti cubaan mencederakan diri sendiri atau membunuh diri.

Tuntasnya, tawakal dan pasrah ini sama-sama wujud dalam suatu pengembaraan. Namun, sebagai seorang Islam, berpegang dengan tawakal itu lebih baik kerana ia memberi kesan yang lebih mendalam kepada jiwa seseorang pengembara itu sendiri. Bersikap pasrah membawa berbagai konsekuensi negatif dalam jiwa seseorang. Manakala, pengamalan tawakal membuatkan seseorang menjadi lebih terbuka untuk menerima apa jua keadaan yang berlaku semasa pengembaraannya sama ada baik atau buruk. Maka, pengembaraan itu akan menjadi lebih bermakna kerana di samping dapat mengamalkan suatu sikap yang digalakkan dalam agama Islam, seseorang juga mampu mendekatkan dirinya kepada Allah S.W.T kerana ia bukan sahaja menjadi suatu pengembaraan fizikal, malah ia juga boleh menjadi suatu pengembaraan rohani.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM) kod no: GGPM-2019-016 berjudul *'Notions of Captivity in Arab, Malay and Persian Travel Narratives'* kerana telah membiayai penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Abdul Hayat. 2014. Kecemasan dan Metode Pengendaliannya. *Khazanah* 12(1): 52-62.
- Abdullah Zakiy al-Kaaf. 2001. *Membentuk Akhlak: Mempersiapkan Generasi Islam*. Bandung: Pustaka Setia.
- Ahmad Faried. 1993. *Menyucikan Jiwa: Konsep Ulama Salaf*. Surabaya: Risalah Gusti.
- Arifka. 2017. Konsep Tawakal dalam Perspektif M. Quraish Shihab (Kajian Tafsir Tarbawi). Tesis Sarjana. Fakultas Tarbiyah dan Keguruan, Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Darussalam, Banda Aceh.
- Azlan Andi. 2016. *Biniku Ninja*. Petaling Jaya: Buku Pojok PLT.
- Al-Dumaiji, 'Abd Allah 'Umar. 2000. *Rahasia Tawakal Sebab dan Musabab*. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Dzawil Qur'an. 2018. Konsep Tawakal dalam Film Kun Fayakun. Tesis sarjana. Fakultas Dakwah dan Komunikasi, Universitas Islam Negeri Walisongo, Semarang.
- Al-Ghazali. 1995. *Mukhtasar Ihya' 'Ulum al-Din*. Jakarta: Pustaka Amani.
- Harun Mat Piah. 2006. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Husniah Ramadhani Pulungan. 2017. Memaknai Putus Asa dalam Paradigma Henti. *Jurnal Kajian Ilmu-ilmu Keislaman* 3(1): 57-74.
- Ibn Qayyim. 2014. *Tafsir al-Qur'an Tematik*. Jakarta: Kamil Pustaka.
- Laela Vina Hari, Luvy Sylviana Zanthi & Heris Hendriana. 2018. Pengaruh Self Efficacy Terhadap Kemampuan Berpikir Kritis Matematik Siswa SMP. *Jurnal Pembelajaran Matematika Inovatif* 1(3): 435-444.
- Miftachul Huda, Ajat Sudrajat, Razaleigh Muhamat, Kamarul Shukri Mat Teh & Burhanuddin Jalal. 2019. Strengthening Divine Values for Self-Regulations in Religiosity: Insights from Tawakkul (Trust in God). *International Journal of Ethics and Systems* 35(3): 323-344.
- Muhammad Hasan. 2004. *Manajemen Hati*. Jakarta: Darul Haq.
- Muhammad Mu'inudinillah Basri. 2008. *Indahnya Tawakal*. Surakarta: Indiva Pustaka.
- Noriah Mohd. Ishak, Ramlee Mustapha, Siti Rahayah Ariffin & Syed Najmuddin Syed Hassan. 2003. Kecerdasan Emosi dan Hubungannya dengan Nilai Kerja. *Jurnal Teknologi* 39(E): 77-84.
- Norlaila Abu Bakar, Norain Mod Asri, Iman Athira Laili & Suhaila Saad. Masalah Kewangan dan Tekanan dalam Kalangan Mahasiswa. *Jurnal Personalia Pelajar* 22(2): 113-120.
- Nurul Nabilah Yusof, Lain-Tze, Tee & Si-Roei, Kew. 2017. Challenges Experienced by Malaysian Students Abroad. *Jurnal Personalia Pelajar* 20(2): 1-9.
- Quraish Shihab. 2006. *Tafsir Al-Mishbah*. Jakarta: Lentera Hati.

- Riza Amalia. 2012. *Terapi Eksistensial Humanistik Dalam Mengatasi Siswa Putus Asa*. Tesis Sarjana. Fakultas Tarbiyah, Jurusan Kependidikan Islam, Institut Agama Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya.
- Roslee Ahmad, Mohamed Sharif Mustaffa & Jamaludin Ramli. 2002. *Kesehatan Mental Rakyat Malaysia Masa Kini: Suatu Pendekatan Kaunseling Berdasarkan Nilai-nilai Islam*. *Persidangan Kaunseling Universiti Malaya 2005*, hal. 1-14.
- Solahuddin Abdul Hamid & Che Zarrina Sa'ari. 2014. *Tuntutan Bekerja Dan Kehidupan Beragama Berdasarkan Perspektif Islam*. *Jurnal Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jama'ah* Januari-Jun(6):131-153.